



# Buletin Pengguna

Bil: 5/2003

[www.kpdnhq.gov.my](http://www.kpdnhq.gov.my)

ISSN: 1675-5626

## Hospital Awam atau Hospital Swasta?

**K**ementerian Kesihatan menasihatkan pesakit-pesakit yang kurang mampu atau miskin agar mendapatkan rawatan di hospital kerajaan memandangkan caj yang dikenakan amat rendah. Contohnya, bagi pesakit kencing manis yang mendapat rawatan susulan di Jabatan Pesakit Luar hospital atau klinik kerajaan, mereka hanya dikenakan bayaran RM1. Manakala hospital kerajaan juga hanya mengenakan caj minimum RM3 bagi pesakit kelas tiga.

Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng berkata kementerian menyediakan perkhidmatan terbaik di hospital kerajaan bagi pesakit jantung, kencing manis dan buah pinggang dengan kos yang rendah. Kementerian juga menyediakan pusat kecemerlangan di Hospital Pulau Pinang bagi Penyakit jantung dan Hospital Putrajaya bagi penyakit kencing manis.

Pesakit yang tidak mampu membayar bil hospital, boleh memohon untuk pengecualian daripada membayar kesemua atau sebahagian daripada caj hospital. Pesakit yang layak memohon pengecualian ini adalah orang awam yang termasuk dalam kelas ketiga sahaja.

Bagaimanapun, orang ramai terutama golongan berpendapatan rendah masih berpeluang menjalani rawatan di hospital swasta apabila kadar harga rawatan di hospital tersebut diselaraskan dengan hospital kerajaan dengan pelaksanaan Skim Pembiayaan Kesihatan Kebangsaan. Datuk Chua Jui Meng juga berkata apabila skim itu dilaksanakan, satu garis panduan atau senarai harga rawatan serta prosedur rawatan seragam bagi hospital kerajaan dan swasta akan disediakan.

Dengan keseragaman tersebut, pesakit boleh memilih sama ada mahu menjalani rawatan di hospital kerajaan atau swasta mengikut jenis dan tahap penyakit masing-masing, tanpa perlu bimbang akan dikenakan caj yang tinggi. Melalui



skim ini, pesakit akan dimaklumkan jenis dan tahap penyakit mereka, rawatan yang perlu dijalani dan kos terbabit sebelum menjalani rawatan. Sekiranya selepas rawatan hospital masih mengenakan bayaran yang lebih mahal daripada sepatutnya, skim ini tidak akan membuat pembayaran kos lebihan itu kepada hospital terbabit. Namun begitu, pembayaran kos adalah berdasarkan rawatan dan tempoh seperti yang ditetapkan jadual. Lebihan kos perlu ditanggung oleh pihak hospital.

Garis panduan jenis dan tahap penyakit, rawatan serta kos pembiayaan akan disediakan menggunakan sistem Case-mix iaitu kaedah pengelasan penyakit yang digunakan untuk mengukur produk sesebuah hospital. Sistem ini menggabungkan kaedah pengelasan jenis penyakit yang dirawat di sesebuah hospital dengan kos serta hasil rawatan yang diberikan kepada

*Ke muka 9»*

**S**alah satu sikap yang sering melanda para pengguna ialah sikap "tak apa". Walaupun barangan atau perkhidmatan yang dibeli atau digunakan tidak memuaskan, mereka tidak mengambil kisah dan menganggap bahawa itu bukan rezeki mereka. Mereka tidak berusaha untuk mengubah keadaan sama ada untuk mendapatkan ganti rugi atau membuat aduan kepada pihak-pihak yang berkenaan. Akibatnya mereka secara berterusan menjadi mangsa peniaga yang tidak mementingkan kebajikan pengguna.

Sepatutnya pengguna perlu bersikap kritikal terhadap pembelian barangan atau penggunaan perkhidmatan. Jika barangan yang dibeli rosak atau perkhidmatan yang digunakan tidak memuaskan, mereka perlu bertindak memberitahu penjual atau penyedia perkhidmatan tersebut. Walaupun barangan yang dibeli berharga beberapa sen sahaja, tetapi ia tetap menjadi hak pengguna. Tetapi apa yang selalu terjadi, pengguna bersikap "tak apa" kerana ia melibatkan wang beberapa sen sahaja. Sikap ini perlu dikikis daripada `kamus` pemikiran pengguna.

Peniaga pula tidak boleh bersikap acuh tak acuh sahaja terhadap barangan yang dijual atau perkhidmatan yang disediakan. Mereka perlu memastikan bahawa kualiti barangan dan perkhidmatan sentiasa terjaga. Sekiranya terdapat rungutan atau aduan daripada peniaga, ia perlu diterima secara positif. Peniaga yang sentiasa menjaga barangan dan perkhidmatannya agar berkualiti, sebenarnya mendapat keuntungan secara tidak langsung. Pengguna akan sentiasa membeli barangan dan menggunakan perkhidmatannya kerana mereka yakin dengan mutu barangan dan perkhidmatannya.

Sebaliknya jika peniaga bersikap `angkuh` terhadap aduan seseorang pengguna, dia bukan sahaja akan kehilangan pengguna tersebut, tetapi juga pengguna-pengguna yang lain. Akhirnya perniagaan menjadi merudum dan mungkin akhirnya terpaksa 'tutup kedai'.

Sikap pengguna yang kritikal, sentiasa berwaspada terhadap pembelian barangan dan perkhidmatan yang digunakan, serta peniaga yang meladeni pengguna dengan baik, sebenarnya mewujudkan suasana pasaran yang harmoni. Hubungan mesra pengguna dan peniaga yang menjadikan perniagaan runcitan kecil-kecilan terus hidup. Walaupun pasar raya besar yang mengamalkan budaya `layan diri` terus bercambah, tetapi mungkin tidak akan menggugat perniagaan runcitan ini kerana hubungan mesra yang terjalin. Inilah salah satu amalan yang wujud dalam perniagaan runcitan yang tidak dapat diwujudkan oleh pasar raya besar. Amalan ini perlu dikekalkan oleh peniaga runcit agar perniagaannya berterusan.

### SIDANG REDAKSI

#### **Penasihat:**

**Y. Bhg. Datuk Dr Sulaiman bin Mahbob**  
Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan  
Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

**Ketua Sidang Pengarang**  
**Haji Wan Mansoor bin Wan Omar**

**Timbalan Ketua Sidang Pengarang**  
**Mohd Yusof bin Abdul Rahman**

**Sidang Pengarang**  
**Normah bte Sheikh Abdullah**  
**Anyi Ngau**

**Hasliana bte Kamarudin**  
**Che Aizawati bte Che Salleh**  
**Siti Rahayu bte Zakaria**

**Suriyati bte Baharom (Pelatih UiTM)**  
**Nur Azura bte Ikbil Ahmad (Pelatih UiTM)**

**Dicetak oleh Syarikat Asas Jaya**

*Buletin Pengguna merupakan penerbitan usahasama di antara Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan FOMCA. Ia diterbitkan pada setiap bulan. Sumbangan artikel amat dialu-alukan. Sila hantarkan sumbangan kepada:*

**Editor,**  
**Buletin Pengguna,**  
**No 1D-1, Bangunan SKPPK,**  
**Jalan SS9A/17, 47300 Petaling Jaya,**  
**Selangor Darul Ehsan.**  
Emel: [buletinpengguna@hotmail.com](mailto:buletinpengguna@hotmail.com)  
Laman Web KPDN & HEP : [www.kpdnhq.gov.my](http://www.kpdnhq.gov.my)  
Laman Web FOMCA : [www.fomca.org.my](http://www.fomca.org.my)

*Artikel yang disiarkan dalam Buletin Pengguna ini tidak semestinya mencerminkan pendirian dan dasar Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna atau FOMCA. Ia merupakan pendapat penulis sendiri.*

## Pembelian Sewa Beli melalui Syarikat Kewangan

**S**ewa beli adalah salah satu kaedah yang paling kerap diamalkan oleh orang ramai untuk memiliki kereta. Sebelum memasuki sesuatu perjanjian sewa beli bagi kereta persendirian, ada baiknya pengguna mendalami hal-hal yang berkaitan dengannya. Memahami langkah-langkah yang terlibat di dalam pembiayaan sewa beli boleh membantu menjimatkan masa dan mengelakkan keraguan dan keresahan.

### Apakah Sewa Beli?

Sewa beli ialah aktiviti menyewa barangan dengan opsyen untuk membeli barangan tersebut. Pembeli adalah penyewa dan syarikat yang membiayai barang-barang tersebut adalah pembiaya dan juga pemilik. Hak milik hanya akan berpindah kepada penyewa selepas semua ansuran dijelaskan. Sementara itu, penyewa boleh membawa pulang barangan tersebut untuk digunakan.

### Jenis Barangan

Pelbagai barangan boleh diperolehi secara sewa beli, termasuk:

- Semua barangan pengguna yang diperolehi untuk kegunaan peribadi, keluarga atau isi rumah.
- Kenderaan bermotor termasuk kenderaan orang sakit, motosikal, motokar (termasuk teksi dan kereta sewa), kenderaan barangan dan bas

Walau bagaimanapun, panduan untuk tatapan



pengguna ini adalah diterbitkan khusus untuk sewa beli kenderaan bermotor milik persendirian.

### Akta Sewa Beli 1967

Semua transaksi sewa beli adalah dikawal oleh Akta Sewa Beli 1967. Butir-butir dan syarat-syarat yang terkandung di dalam perjanjian sewa beli, hak di sisi undang-undang, tanggungjawab dan tugas penyewa serta pembiayaan ada diterangkan di dalam Akta Sewa Beli. Akta Sewa Beli ini adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna.

### Kemampuan Membayar

Sebelum memasuki perjanjian untuk membeli kenderaan bermotor melalui sewa beli, pastikan dahulu berapa yang anda mampu untuk bayar melalui ansuran bulanan supaya tidak lari daripada bajet. Sebagai panduan, bayaran ansuran bulanan untuk rumah dan kenderaan bermotor hendaklah tidak melebihi 33% daripada pendapatan bulanan rumah. Anda juga perlu menyediakan peruntukan tambahan untuk insurans dan cukai jalan. Adalah juga mustahak anda meneliti segala kewajipan dan tanggungjawab anda, termasuk penalti yang mungkin akan dikenakan sebelum menandatangani perjanjian sewa beli.

### Urusan dengan syarikat kewangan

Perjanjian sewa beli boleh dirunding secara terus dengan syarikat kewangan atau melalui pengedar kenderaan bermotor yang akan mengemukakan permohonan pembiayaan anda kepada syarikat kewangan.

- Sekiranya anda berurusan secara terus dengan syarikat kewangan, anda akan diberi penyata kewangan bertulis yang dikenali sebagai Jadual Kedua Bahagian I. Penyata ini akan menerangkan tanggungjawab kewangan anda di bawah perjanjian sewa beli yang dicadangkan.
- Sekiranya anda berurusan melalui pengedar kenderaan bermotor, di samping Jadual Kedua Bahagian I, anda akan menerima penyata tambahan yang dikenali sebagai Jadual Kedua Bahagian II yang menyatakan persetujuan

Ke muka 4»

#### « Dari muka 4

syarikat kewangan untuk menjadi salah satu pihak kepada perjanjian tersebut. Bahagian ini hendaklah ditandatangani oleh pengedar dan syarikat kewangan selepas anda menerima Bahagian I Jadual Kedua.

- Anda tidak boleh dipaksa untuk memasuki perjanjian sewa beli ataupun dikehendaki menjelaskan kos menyediakan dan mendapatkan Jadual Kedua sekiranya anda tidak bersetuju untuk menandatangani perjanjian sewa beli tersebut
- Anda tidak tertakluk kepada terma dan syarat-syarat penyata Jadual Kedua (Bahagian I dan II) selagi anda tidak memasuki perjanjian SB tersebut
- Sekiranya anda bersetuju untuk menyewa kenderaan bermotor tersebut selepas menerima penyata Jadual Kedua (Bahagian I dan II), satu perjanjian sewa beli akan dibuat di antara anda dan syarikat kewangan

#### Perjanjian Sewa Beli

Perjanjian Sewa Beli seharusnya mengandungi maklumat-maklumat penting seperti berikut:

- Perihal kenderaan bermotor yang dibiayai
- Pengiraan jumlah yang perlu dibayar
- Deposit minimum
- Caj terma dan Kadar Peratus Tahunan untuk caj terma
- Caj lewat bayar
- Tarikh permulaan sewa
- Bilangan ansuran bulanan
- Jumlah ansuran bulanan
- Kepada siapa, bila dan di mana pembayaran ansuran bulanan perlu dibuat
- Alamat di mana kenderaan bermotor biasanya disimpan

Anda hendaklah memastikan bahawa butir-butir yang terkandung di dalam perjanjian adalah sama dengan butir-butir yang terdapat di penyata Jadual Kedua

Perjanjian tersebut akan disetemkan pada kadar nominal atas tanggungan anda.

Anda tidak memerlukan khidmat peguam untuk memasuki sebarang perjanjian sewa beli.

#### Deposit Minimum

Deposit minimum ialah 10% daripada harga tunai kenderaan bermotor. Walau bagaimanapun, syarikat kewangan boleh mengenakan deposit yang lebih tinggi.



#### Caj Terma (Kadar Faedah)

Caj terma maksimum yang boleh dikenakan oleh syarikat kewangan ialah pada kadar sama rata sebanyak 10% setahun. Kadar peratusan sama rata ini dikenakan sepanjang tempoh sewa beli. Sekiranya anda dikenakan kadar faedah sama rata sebanyak 10% sepanjang tempoh 5 tahun untuk pembiayaan SB sebanyak RM50,000, kadar peratus tahunan yang anda bayar ialah 17.3%.

#### Caj Lewat Bayar

Caj lewat bayar maksimum yang boleh dikenakan oleh syarikat kewangan ialah 8% setahun dikira berasaskan baki harian ke atas ansuran yang tertunggak.

#### Penjamin

Syarikat kewangan akan membuat penilaian kredit ke atas pemohon kemudahan sewa beli. Berdasarkan kepada keputusan penilaian kredit tersebut, syarikat kewangan mungkin memerlukan penjamin untuk kemudahan sewa beli sebagai cagaran tambahan kepada kemudahan sewa beli tersebut. Penjamin dikehendaki menandatangani surat jaminan. Penjamin akan menerima sesalanan perjanjian sewa beli dan menanggung liabiliti ke atas kemudahan sewa beli tersebut. Sekiranya penyewa ingkar membuat pembayaran, penjamin bertanggungjawab untuk menjelaskan jumlah yang tertunggak bagi kemudahan sewa beli ini, termasuk faedah tertunggak.

*(Dipetik daripada Risalah Info Perbankan, terbitan Bank Negara Malaysia dan Persatuan Bank-Bank Dalam Malaysia).*

## Budaya Pengguna

**B**udaya pengguna merujuk kepada “gaya hidup membeli barang dan perkhidmatan bagi memuaskan kehendak dan keperluan pengguna”. Beberapa budaya pengguna yang dapat dikenal pasti adalah seperti berikut:

### ■ Budaya hidup mewah

Peniaga menonjolkan gaya hidup mewah pengguna melalui pelbagai cara dan saluran. Ia bertujuan mewujudkan tanggapan masyarakat bahawa ukuran sesuatu kejayaan itu bukannya berdasarkan budi dan bakti tetapi harga pakaian, rumah besar, kenderaan yang besar dan segala kemewahan yang lain.

### ■ Budaya Kesetiaan Jenama

Dalam pasaran moden, hampir setiap keluaran memiliki jenamanya sendiri. Ia sentiasa ditonjolkan dan diiklan supaya bersebuti dengan ingatan pengguna. Perasaan pengguna dirangsang untuk berpendirian bahawa harga diri atau keistimewaannya bergantung kepada penggunaan jenama yang berkenaan.

### ■ Budaya hidup membazir

Pengguna telah diasuh hidupnya dengan pelbagai barangan seperti rokok, minuman keras, makanan segera, bermacam-macam jenis sukan berprestij dan sebagainya melalui iklan dan promosi jualan. Budaya ini bukan sahaja mewujudkan sikap membazir tetapi juga mencorakkan budaya yang berbahaya dan merugikan, terutama di kalangan remaja yang mudah dipengaruhi.

### ■ Budaya iklan

Pengguna cenderung “berguru” dengan iklan. Pengguna terdedah pada iklan hampir setiap masa. Budaya yang ditonjolkan ini menyokong hidup membazir, mengejar kejelitaan atau rupa yang sentiasa muda tanpa memikirkan aspek kerohanian, sifat tamak dan kebendaan, ego dan seumpamanya.

### ■ Budaya tamak

Para peniaga yang mahu mengaut keuntungan sering menanamkan sikap tamak di kalangan pengguna. Mereka menggunakan pelbagai muslihat jualan seperti jualan istimewa, jualan murah, hadiah

istimewa dan sebagainya. Sifat tamak dihidupkan sehingga mata pengguna menjadi kabur lalu mudah menjadi mangsa penipuan. Sebagai contoh, skim jualan piramid: terlalu ramai pengguna yang menjadi mangsa kerana dijanjikan pulangan yang cukup lumayan bagi ‘pelaburan’ yang kecil.

### ■ Budaya hidup jelita

Keinginan untuk kelihatan jelita merupakan suatu idaman yang tidak pernah luntur bagi seorang wanita. Bagi memuaskan impian ini, pelbagai jenis perniagaan yang menonjolkan alat solek, fesyen pakaian, kaedah menjaga tubuh dan sebagainya. Pengguna hari ini hidup dalam budaya ‘jelita’ dengan produk yang dipasarkan oleh para peniaga.

Kepenggunaan lahir daripada amalan budaya pengguna yang telah menimbulkan berbagai-bagai masalah sosial dan rohani. Kepenggunaan diwujudkan bukan sahaja untuk membanteras kenaikan harga yang tidak berpatutan atau memastikan keluaran barangan selamat dan bermutu atau amalan perniagaan beretika, tetapi juga untuk membentuk masyarakat yang penyayang.



## 'Dilema Ayam Import'

**B**agi memenuhi permintaan yang kian meningkat, kerajaan telah mengimport lebih kurang 22,300 tan metrik daging ayam berbentuk ketulan setahun. Biasanya Malaysia membawa masuk daging ayam import daripada China, Denmark, Belanda dan Thailand.

Sejauh mana kemampuan penternak tempatan untuk memenuhi permintaan tempatan menjadi isu perdebatan kerana Malaysia juga mempunyai syarikat penternak kedua terbesar di Asia. Para penternak tempatan mendapat tamparan yang cukup hebat kesan daripada tindakan kerajaan mengimport daging ayam dari luar.

Pernah satu ketika, Persekutuan Persatuan Penternak Malaysia (FLFAM) mengancam untuk membunuh antara enam hingga sembilan juta anak ayam sekiranya Kementerian Pertanian tidak menghentikan segera import daging ayam. Ini disebabkan berlakunya persaingan harga yang mana harga pasaran bagi daging ayam import lebih murah berbanding harga pasaran daging ayam tempatan. Perkara tersebut sekali gus memburukkan lagi tahap jualan pasaran tempatan.

Kemasukan ayam import ke Malaysia juga sering dipersoalkan terutamanya dari segi tahap 'halal' dan kebersihannya (termasuk bebas penyakit). Bagi pengguna yang beragama Islam, keraguan terhadap label 'halal' tetap wujud kerana bagi mereka proses penyembelihan ayam-ayam tersebut perlu dibuat pemantauan sepenuhnya daripada pihak bertanggungjawab.

Kemudian negara sekali lagi dikejutkan dengan berita kemungkinan jangkitan *Virus Selesema Avian Influenza* pada daging ayam import. Merujuk kes sebelum ini, sebanyak 25 kontena yang mengandungi daging tersebut di Pelabuhan Klang telah diarah pulang berikutan jangkitan tersebut. Virus ini berasal daripada sejenis penyakit yang dikenali sebagai demam selesema burung, yang mana ia amat mudah merebak. Penyakit tersebut sebelum ini pernah melanda beberapa ladang ternakan ayam, itik dan burung puyuh di China, Taiwan dan Hong Kong.

Untuk keselamatan dan kesihatan awam serta kesihatan ternakan, keputusan telah dibuat untuk

tidak membawa masuk 58 kontena daging ayam import dari negara China. Antara penyakit yang akan dihadapi oleh pengguna yang memakan daging ayam yang terkena jangkitan ialah seperti selesema, batuk-batuk dan radang paru-paru. Apabila memakan daging ayam tersebut, individu akan mengalami tanda-tanda virus berkenaan dalam tempoh dua minggu.

Hakikatnya, di Malaysia kadar import daging ayam tetap tinggi sehingga pernah berlaku lambakan import dalam negara yang menyebabkan harga jatuh ke paras yang cukup rendah. Bagaimanapun, langkah Jabatan Perkhidmatan Haiwan memanggil penternak-penternak tempatan bagi mencari jalan terbaik mengatasi masalah lebihan kadar import ayam telah menunjukkan bahawa jabatan tersebut tetap prihatin dengan masalah yang dihadapi.

Justeru, sistem pemasaran daging ayam tempatan di Malaysia perlu diperluaskan agar peniaga dapat memasarkan daging ini di merata tempat. Langkah ini penting bagi memastikan penternak-penternak tempatan dapat meneruskan perniagaan mereka di samping membantu menjana ekonomi negara.

- Suria



## Amalan Hijau di Pejabat

**P**encemaran dan kemusnahan alam sekitar akan membahayakan kesihatan dan kehidupan semua orang di muka bumi ini. Keprihatinan terhadapnya sering diutarakan oleh pelbagai pihak dan ditujukan kepada penduduk, pemerintah, pelabur dan sebagainya demi menjamin masa depan yang lebih selamat dan terjamin.

Justeru itu, beberapa perkara yang kita amalkan di pejabat atau tempat kerja turut mampu mengurangkan pencemaran dan kemusnahan alam sekitar. Antaranya adalah:

- Gunakan pengangkutan awam kerana ini dapat mengurangkan pencemaran udara dan menjimatkan penggunaan petrol.
- Berkongsi kenderaan akan mengurangkan penggunaan petrol sekali gus akan mengurangkan pencemaran udara.
- Berjalan ke tempat makan akan menjimatkan penggunaan petrol, mengurangkan pencemaran dan bahan pembungkusan (mengurangkan buangan).
- Gantikan pokok hiasan tiruan dengan pokok-pokok hidup. Galakkan persekitaran hijau dan tentukan keseimbangan kandungan oksigen di dalam pejabat.
- Kurangkan penggunaan kertas di pejabat. Gunakan emel dan sistem rangkaian berkomputer. Ini mengurangkan kerja percetakan dan menjimatkan kertas.
- Semasa di pejabat gunakan bekas minuman anda sendiri dan elakkan daripada menggunakan cawan yang diperbuat daripada 'styrofoam' yang tidak boleh dilupus. Sediakan minuman secara berkumpulan dan minum bersama-sama. Ini boleh menjimatkan tenaga dan menjadikan suasana lebih mesra.
- Surat khabar, kertas terpakai dan kadbod berlebihan hendaklah dikumpulkan pada satu tempat khas untuk dikitar semula.
- Apabila menggunakan kertas untuk menulis atau membuat salinan di mesin fotokopi, gunakan kedua-dua belah muka surat.
- Padamkan lampu, komputer, penghawa dingin, mesin fotokopi bila tidak digunakan. Jimatkan elektrik - suatu sumber berharga. - Sivan

## Menjimatkan Penggunaan Lampu

- Pilih lampu yang bersesuaian berdasarkan tempat.
- Jika tidak inginkan cahaya yang terlalu terang di tempat-tempat tertentu, pilihlah mentol yang kurang kuasanya. Mentol 75 watt atau lampu kalimantang menggunakan 25% kurang tenaga elektrik berbanding dengan mentol 100 watt.
- Bilik yang mempunyai warna dinding yang gelap akan menyerap lebih banyak cahaya, manakala bilik yang mempunyai warna dinding yang terang akan memantulkan cahaya. Ini akan menyebabkan bilik kelihatan lebih terang.
- Letakkan lampu di sudut bilik. Ini lebih berkesan kerana lampu tersebut akan bertindak balas di kedua-dua sudut dinding.
- Lampu kalimantang adalah empat kali lebih cerah daripada mentol bulat walaupun menggunakan watt yang sama.
- Mentol mempunyai kuasa efisien lebih mahal, tetapi menjimatkan dari segi penggantian yang kurang dan lebih ekonomik pada jangka panjang.
- Tutup lampu apabila keluar bilik.
- Tukar lampu untuk kawasan luar rumah dengan lampu halogen.
- Apabila mentol kotor, lapkan sehingga bersih. Jika tidak akan menyebabkan kos yang lebih tinggi.

## Pembalakan Musnahkan Hutan Pusaka

**K**ebanyakan hutan asal di beberapa negara Asia Pasifik telah mengalami kemusnahan. Lebih kurang 90% hutan asal di Laos, Vietnam dan Taiwan telah dimusnahkan. Malaysia telah kehilangan 85% hutan asalnya manakala Indonesia dan Papua New Guinea masing-masing telah kehilangan 72% dan 60% hutan asalnya.

### Apakah puncanya?

Di Asia Pasifik, kemusnahan hutan mencapai 2.9 juta hektar setiap tahun di antara tahun 1990 hingga 1995. Pusat Kajian Bersama Suruhanjaya Eropah turut melaporkan kebanyakan kemusnahan hutan asal ini diakibatkan oleh pembalakan yang berleluasa sama ada secara sah mahupun secara haram. Ini termasuk pemusnahan hutan untuk pertanian dan perladangan.

Secara perbandingannya, kadar kemusnahan hutan di negara-negara Oceania jauh lebih rendah iaitu 151,000 hektar setiap tahun. Namun, hutan asal di sini turut diancam kemusnahan oleh syarikat pembalakan khususnya dari Malaysia. (Laporan FAO, 1999 State of the World's Forests).

Walaupun kerajaan-kerajaan G8 tidak mengaku benar terhadap kenyataan ini, dan menyatakan permintaan yang tinggi untuk kayu balak di pasaran antarabangsa menyebabkan peningkatan kadar pembalakan. Jepun, anggota G8 adalah negara pengimport terbesar kayu balak dari Asia Pasifik selain Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah.

### Laporan Greenpeace

Pada bulan April 2000, Gerakan Antarabangsa Alam Semulajadi, Greenpeace melaporkan bahawa pembalakan haram yang dilakukan di Asia Pasifik turut meliputi kegiatan pembalakan di kawasan hutan simpanan sehingga pemalsuan fakta-fakta mengenai spesies yang terpelihara dalam dokumen-dokumen eksport. Ia juga menunjukkan kadar pembalakan haram yang tinggi dari rantau yang memasuki pasaran antarabangsa.

Kerajaan-kerajaan G8 yang sepatutnya membanteras perdagangan haram ini tidak memainkan sebarang peranan aktif. Sebaliknya negara-negara yang terlibat cuba mengelakkan isu

ini dengan menyatakan ia sebagai masalah domestik. Jadi, kerajaan meminimumkan tanggungjawab mereka terhadap isu-isu alam sekitar dan kesan sosialnya sahaja. Sebenarnya masalah ini menjadi ancaman yang jauh lebih serius berbanding apa yang dituntut oleh negara-negara G8.

### Laporan Media

Beberapa tahun kebelakangan ini banyak laporan-laporan akhbar dan majalah sedikit sebanyak telah membongkar pembalakan haram di rantau Asia Pasifik. Antaranya:

1. .... kegagalan kerajaan (Indonesia) menangani pembalakan haram adalah fokus keprihatinan. (AFP, Bogor, 29 April 2000)
2. ....ketamakan, rasuah, jenayah dan ketidakpercayaan sedang memusnahkan hutan Kamboja. (AP, Phnom Penh, 10 Mei 2000)
3. ....pembalakan haram dipercayai berlaku di Subic Bay Freeport (BusinessWorld, Philippines, 18 Mei 2000)
4. ....menjejaki pembalakan haram berskala besar di Kalimantan (Jakarta Post, 23 Mei 2000)
5. ...pembalakan haram mengancam pokok-pokok yang terpelihara (New Straits Times, Malaysia 9 Jun 2000)
6. ...Kamboja ingin menyaman firma pembalakan Malaysia (Reuters, Phnom Penh, 10hb Jun 2000)

Negara-negara di Asia Pasifik telah kehilangan hutan asalnya yang amat luas akibat penebangan yang tidak terkawal dan haram. Beberapa bantahan secara aman masih dilakukan untuk menghalang pembalakan secara meluas ini.

(Sumber: [www.greenpeace.org](http://www.greenpeace.org))

- Sivan



## Memilih Makanan Yang Sihat

**M**emilih makanan yang sihat serta risiko mendatangkan penyakit yang rendah untuk kanak-kanak adalah satu perkara yang bukan mudah. Kini pelbagai makanan ringan ataupun makanan siap untuk dimakan tersedia di kedai-kedai mahupun di supermarket di merata tempat. Sebagai ibu bapa atau penjaga kanak-kanak, adalah menjadi tanggungjawab kita untuk mengawasi dan mengawal pola makan dan jenis makanan untuk kanak-kanak.

Kajian Mindy Hermann, R.D., seorang ahli gizi menyatakan bahawa rata-rata pola pemakanan dan jenis makanan yang dimakan oleh kanak-kanak sekarang lebih banyak memberi kesan buruk kepada tumbesaran berbanding kebaikannya. Menurutnya, para ibu bapa atau penjaga perlu memilih makanan yang benar-benar diperlukan bagi perkembangan kesihatan anak-anak mereka.

Kanak-kanak sepatutnya dielakkan daripada mengambil makanan ringan yang tidak mendatangkan faedah semasa tumbesaran mereka. Berikut adalah beberapa jenis makanan yang perlu dikurangkan sebanyak mungkin.

### Donat

Setiap Donat mengandungi 200 hingga 300 kalori yang kebanyakannya dipenuhi dengan pelbagai jenis lemak dan *trans-fatty acid* yang boleh tersumbat dalam saluran-saluran arteri.

### Nugget ayam

Makanan ini penuh dengan lemak. Nugget dan sosnya banyak mengandungi sodium yang biasanya menyebabkan darah tinggi untuk orang dewasa.

### Kentang goreng

Biasanya disebut *french fries* ini mengandungi lemak yang cukup tinggi dan hanya sedikit mengandungi vitamin. Sebaiknya kanak-kanak tidak terlalu banyak makan makanan ini. Boleh diberikan sesekali tetapi pada kadar yang kecil.

### Kerepek atau keropok

Terdapat berbagai-bagai jenis kerepek atau keropok di pasaran seperti kerepek kentang, keropok udang, kerepek jagung mahupun *cheese*

*puff*. Sebahagian besar kandungannya ialah lemak, sodium dan kalori kosong. Kanak-kanak perlu dikawal makan segala jenis keropok atau kerepek ini.

### Minuman perisa buah

Rata-rata minuman jenis ini hanya mengandungi 10% jus buah, bakinya adalah air dan pemanis walaupun dalam senarai kandungannya selalu tertulis 100% pati oren, anggur atau epal. Zat-zat dalam jus buah akan lenyap akibat dicampur dengan air dan pemanis. Jadi, berikan anak-anak buah-buahan yang segar atau jus buah yang diperah sendiri.

### Minuman berkarbonat

Dalam satu botol atau tin minuman berkarbonat, ia mengandungi hampir 10 sudu gula yang boleh menyebabkan kegemukan dan kerosakan gigi. Malah, kanak-kanak yang lebih suka minum minuman ringan yang dikatakan mengandungi susu sebenarnya, tidak memperoleh kalsium yang mencukupi untuk tumbesaran tulang-tulang mereka.

Tentunya masih banyak lagi jenis makanan yang kurang baik untuk dimakan oleh kanak-kanak. Tetapi, apa yang penting adalah tanggungjawab kita semua untuk mengawal daripada memakan makanan seperti di atas. Kunci utama dalam menangani masalah pemakanan anak-anak kita adalah dengan mengawal dan mengelakkan makanan yang membawa kesan buruk. Berikan mereka makanan yang segar dan berkhasiat demi kesihatan dan tumbesaran yang lebih baik.

- Sivan

### « Dari muka 1

pesakit berdasarkan tahap penyakit.

Segala pembaharuan yang dibuat adalah bertujuan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan klinikal, meningkatkan kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan rawatan pesakit dan untuk merangsang penyelidikan perubatan. Oleh itu masyarakat harus bijak dalam mengendali dan menggunakan perkhidmatan yang sedia ada.

## Khasiat Royal Jelly

**R**oyal Jelly adalah zat istimewa yang dihasilkan melalui proses dari kelenjar-kelenjar liur (*pharyngeal*) oleh lebah-lebah muda atau lebah-lebah pekerja. Zat istimewa ini kemudiannya diberikan kepada ratu lebah dan juga kepada larva pilihan ratu tersebut. Ratu dan Larva yang menikmati Royal Jelly ternyata kelihatan luar biasa berbanding lebah-lebah pekerja yang lain. Badannya akan tumbuh dua kali lebih besar dan rata-rata memiliki umur lebih panjang serta mengandungi khasiat yang tinggi berbanding yang lain. Lebah ratu ini lebih kuat dan menghasilkan telur lebih banyak.


### Perbezaan Royal Jelly dengan Madu

Meskipun kedua-duanya adalah hasil dari lebah, tetapi jelas Royal Jelly sangat berbeza dengan madu. Royal Jelly merupakan makanan khusus ratu lebah, sedangkan madu adalah makanan lebah-lebah biasa atau lebah-lebah pekerja.

### Kandungan Dalam Royal Jelly

Royal Jelly memiliki kandungan yang sangat kompleks yang sangat diperlukan oleh tubuh manusia seperti protein, asid amino, vitamin A, D, C dan B Kompleks. Ia juga memiliki kandungan istimewa seperti:

- 10-HDA yang dapat menghambat pertumbuhan sel-sel kanser;
- Asid Pantotenik yang berfungsi meningkatkan penyerapan gizi dan membantu fisiologi;
- Insulin sejenis hormon yang berguna untuk pesakit kencing manis untuk mengawal kadar gula dalam darah;



- Kolagen untuk membantu kekenyalan otot yang sangat diperlukan dalam memelihara kecantikan;
- Asetilkolin sangat berguna menjaga fungsi kerja limpa atau hati;
- Paroten merupakan bahan yang sangat berguna untuk membantu metabolisme dan proses regenerasi sel-sel tubuh sehingga dapat memperlambat proses penuaan.

### Faedah Makan Royal Jelly

- Meningkatkan daya ketahanan tubuh badan manusia.
- Melambatkan proses penuaan.
- Mencegah penyebaran sel-sel kanser.
- Meningkatkan selera makan.
- Memulihkan kekenyalan otot.
- Mencegah sembelit.
- Mengeluarkan kotoran dari tubuh.
- Peredaran darah yang baik.
- Mempertahankan kesegaran tubuh.
- Meningkatkan metabolisme sel dan memperbaiki sel-sel yang mati.
- Meningkatkan tenaga batin.
- Memberikan khasiat untuk tumbesaran.

- Sivan

### FAKTA TENTANG AIR

- ❖ 60% hingga 70% daripada kandungan dalam badan hidupan terdiri daripada air.
- ❖ Air meliputi 70% daripada permukaan bumi, 97.5% daripadanya adalah air masin, manakala 2.5 % adalah air bersih.
- ❖ 1 daripada 6 orang di dunia ini tidak menikmati air minuman bersih.
- ❖ Manusia minum 4 liter air sehari, tetapi 2,000 hingga 5,000 liter diperlukan untuk menampung keperluan pengeluaran makanan harian.
- ❖ Sehingga 50% air di kawasan perbandaran dan 60% air yang digunakan untuk pertanian terbuang hasil daripada kebocoran paip dan pengewapan.
- ❖ Manusia akan menggunakan lebih 40% air dalam tempoh 20 tahun akan datang, berbanding pada masa ini.
- ❖ Seramai 4 bilion orang tinggal di negara yang mengalami kekurangan air pada tahun 2025, berbanding 470 juta pada masa ini.

(Sumber: UNEP)

## Pengguna produk Pan Pharmaceuticals berhak mendapat ganti rugi

Para pengguna yang telah membeli produk Pan Pharmaceuticals berhak mendapat ganti rugi sewajarnya sama ada dalam bentuk wang tunai atau barangan yang mempunyai nilai yang sama.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPND & HEP), Datuk S. Subramaniam berkata, ganti rugi perlu diberi kerana perkara tersebut adalah sebahagian dari hak pengguna yang dilindungi.

- *Utusan Malaysia, 5 Mei 2003*

## 420 firma jualan langsung ambil kesempatan

Sebanyak 420 syarikat jualan langsung dikesan mengambil kesempatan menjual produk yang didakwa mampu menyembuhkan penyakit Sindrom Penafasan Yang Teruk (SARS).

Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPND & HEP), Datuk Dr Sulaiman Mahbob, berkata sebahagian besar syarikat itu terbabit dengan pemasaran produk kesihatan, makanan tambahan dan kosmetik.

- *Berita Harian, 5 Mei 2003*

## Govt keeping tabs on health goods

Any product found to be detrimental to the health of consumers can be suspended and deregistered by the Health Ministry, said parliamentary secretary S. Sothinathan.

He said although they were registered for sale, health products such as vitamins, minerals and cosmetics were continually being monitored to ensure they comply with the original composition.

- *The Star, 7 May 2003*

## Kongsi gelap lindung sindiket VCD cetak rompak

Sindiket pengedaran video cakera padat (VCD) dan cakera padat (CD) cetak rompak dipercayai mendapatkan khidmat kongsi gelap bagi melindungi kegiatan mereka, kata Menteri

Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPND & HEP) Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Beliau berkata, walaupun tiada bukti kukuh setakat ini, beberapa kes serangan terhadap penguatkuasa sebelum ini menunjukkan kecenderungan ke arah itu.

Katanya, sindiket itu dipercayai dilindungi pihak tertentu yang mengaut keuntungan lumayan dengan menjalankan perniagaan berisiko tinggi.

- *Berita Harian, 13 Mei 2003*

## Akta baru bendung skim cepat kaya online

Akta Transaksi Elektronik, yang akan dibentangkan di Parlimen Oktober ini sebelum dikuatkuasakan tahun depan, dijangka mampu membendung kegiatan skim cepat kaya menerusi sistem online tajaan syarikat luar negara, yang semakin berleluasa.

Ketua Penolong Pengarah Bahagian Perdagangan Dalam Negeri, Mohamed Azni Mohamed Ali, berkata pada masa ini Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPND & HEP) sukar membendung kegiatan itu kerana tidak mempunyai undang-undang mengawal selia operasi perdagangan elektronik (e-dagang).

- *Berita Harian, 26 Mei 2003.*

## Way to bring down CD, VCD prices

Deputy Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk S. Subramaniam today advised the public to temporarily stop buying original CDs and VCDs, a move he said would force producers and distributors to reduce prices.

He said despite appeals by the ministry, the producers and distributors had refused to reduce prices, thus encouraging consumers to go for pirates one.

- *The Star, 28 May 2003*

## Tribunal Tuntutan bukan tempat cari untung

Orang ramai diingatkan supaya tidak menggunakan Tribunal Tuntutan Pengguna yang

*Ke muka 12* ▶▶

## Penyakit Asma

**A**sma adalah sejenis penyakit kronik yang diakibatkan oleh radang saluran pernafasan iaitu keadaan di mana saluran pernafasan menjadi sempit secara tiba-tiba yang menyebabkan kesukaran bernafas. Ini adalah kerana saluran pernafasan tersebut amat sensitif kepada bahan-bahan alahan tertentu.

### Faktor Penyebab

Setiap pesakit Asma mempunyai penyebab alahan yang mungkin berbeza dengan pesakit Asma yang lain. Di antara faktor-faktor penyebab ialah:

- Bulu binatang
- Debu atau habuk
- Perubahan cuaca
- Senaman
- Merokok dan asap rokok
- Debunga



- Jangkitan saluran pernafasan
- Makanan / Buah-buahan tertentu
- Tekanan perasaan
- Ubat tertentu

### Gejala-Gejala Penyakit Asma

- Batuk (terutama pada waktu malam atau semasa cuaca sejuk)
- Susah bernafas (sesak nafas)
- Nafas berbunyi
- Rasa ketegangan di dada

### Kawalan Asma

- Pesakit Asma boleh menjalani kehidupan biasa seperti orang lain jika Asma dikawal.
- Sentiasa gunakan "carta kawalan Asma di rumah" bagi memudahkan anda mengetahui tahap keterukan penyakit asma anda serta tindakan yang sepatutnya diambil.

### INGAT !!!

Anda harus berjumpa doktor sekiranya:

- Pernafasan anda menjadi semakin teruk walaupun langkah pengubatan telah diambil .
- Sukar bernafas semasa melakukan senaman ringan / aktiviti harian.
- Perlu menyedut *bronchodilator* lebih dari biasa.
- Lebih kerap terjaga malam kerana serangan Asma.

(Sumber: Laman Web Pembantu Farmasi Negeri Perlis)

◀ Dari muka 11

diwujudkan sejak tiga tahun lalu untuk mencari keuntungan, kata Pengerusi tribunal itu, Noor Azian Shaari.

Beliau berkata, tribunal menyedari ada pengguna yang sengaja cuba untuk mengaut keuntungan dengan membuat tuntutan tinggi berbanding kerosakan yang dihadapi mereka.

"Kita bersikap adil kepada pengguna dan peniaga atau penyedia perkhidmatan. Tribunal bukan forum untuk membuat duit, tetapi menggantikan barang rosak dengan barang baru atau dengan wang, begitu juga perkhidmatan."

- *Berita Harian*, 27 Mei 2003

## Malaysia tolak dakwaan jadi pusat cetak rompak

Kerajaan menolak dakwaan sesetengah pihak kononnya Malaysia menjadi pusat kegiatan cetak rompak di rantau ini, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Beliau berkata, kerajaan serius untuk membanteras kegiatan tidak bertanggungjawab itu bagi melindungi harta intelek penggiat industri hiburan tempatan.

- *Berita Harian*, 29 Mei 2003

